

***Al-Ma' Dalam Al-Qur'an Dari Sudut Estetika Bahasa: Satu Tinjauan
Literatur***
Al-Ma' In The Qur'an Through Lingual Aesthetics: A Literature Review

Muhamad Khairul Anuar Bin Zulkepli¹, Md. Nor Bin Abdullah², Suhaila Binti
Zailani@Ahmad³

ABSTRAK

Air merupakan antara keperluan utama dianugerahkan kepada manusia dan sekalian makhluk yang menjadi pelengkap kehidupan di muka bumi ini. Kewujudan air di alam ini adalah bukti kekuasaanNya yang Maha Agung dan ia dijelaskan melalui al-Qur'an yang menjadi pegangan hidup manusia. Badan manusia umpamanya terdiri daripada komposisi air yang meliputi sistem peredaran darah. Begitu juga permukaan bumi terdiri daripada permukaannya yang diliputi oleh air. Perbincangan berkaitan dengan air telah dinyatakan dalam al-Qur'an secara terperinci malah kesinambungan dari apa yang telah dijelaskan masih diteruskan dan ia direalisasikan menerusi kajian ilmiah dan saintifik. Namun, perbincangan tersebut banyak berkisar tentang air yang wujud dalam al-Qur'an. Kajian yang menjurus kepada estetika di sebalik penggunaannya dalam al-Qur'an amat perlu dilakukan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meninjau literatur-literatur yang berkaitan dengan air dalam al-Qur'an. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi reka bentuk analisis kandungan sebagai sumber utama pengumpulan data. Seterusnya, data dianalisis secara deskriptif dengan mencerakinkan tiga topik perbincangan. Hasil kajian mendapati bahawa masih terdapat isu dan permasalahan berbangkit berkaitan dengan air dalam al-Qur'an. Oleh yang demikian, permasalahan yang wujud ini boleh membantu kepada pembinaan satu pernyataan masalah yang baru.

Kata Kunci: *air, al-Qur'an, estetika.*

ABSTRACT

Water is one of the vital needs given to human beings and all creatures as complementary life on this earth. The existence of water in the universe is great proof of His ability and it is described by the Qur'an. For example, the human body is composed of water which includes the circulatory system. Similarly, the Earth's surface consists of its surface covered by water. The discussions of water have been stated in the Qur'an in detail and it's still continued through scientific research. However, it's revolved about water that exists in the Qur'an. The research related to aesthetic behind their uses is scarcely attended to. Hence, this study aims to review the related literatures to the water in al-Qur'an. This study used a qualitative approach through the design of content analysis as a major source of data collection. Further, the process of analyzing the data is done through a descriptive analysis by dividing the three main topic discussion. The study found that

¹ Muhamad Khairul Anuar Bin Zulkepli, Calon Doktor Falsafah (PhD) Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, rose_mujahid@yahoo.com

² Muhamad Khairul Anuar Bin Zulkepli, Calon Doktor Falsafah (PhD) Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, rose_mujahid@yahoo.com

³ Suhaila Binti Zailani@Ahmad, Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, suzail@ukm.edu.my

there are still issues and problems related to water in the al-Qur'an. Therefore, the problems that exist can assist to build a new problem statement.

Keywords: *water, al-Qur'an, aesthetic*

Pengenalan

Menurut °Uthman (1986), Allah menjadikan setiap sesuatu daripada air itu bernyawa. Seorang manusia yang mempunyai berat badan 70 kilogram dianggarkan mengandungi 67.6% air dalam badanya. Ini menunjukkan keagungan Allah dalam menciptakan air yang penuh dengan kepentingan dan manfaat. Air dalam tubuh manusia membantu menghadamkan bahan makanan yang membantu kepada pengaliran darah. Selain itu, air juga membawa bahan-bahan kumuh keluar dari badan menerusi beberapa organ badan seperti kulit, usus dan sebagainya. Hal ini kerana bahan-bahan kumuh yang terkandung dalam tubuh badan boleh mengakibatkan kemudaratan dan menyebabkan kematian. Di samping itu, 99% air yang terhasil daripada peluh badan juga membantu mengawal suhu kepanasan badan manusia sama ada dalam keadaan sejuk atau panas.

Kewujudan air di atas muka bumi ini adalah bukti kekuasaanNya yang maha agung lagi maha bijaksana. Al-Qur'an telah menerangkan bahawa kebanyakan makhluk yang wujud di alam ini bermula daripada air. Melalui air jugalah Allah boleh mencipta dan menghancurkan sesuatu yang dikehendakiNya. Al-Qur'an menceritakan bahawa umat terdahulu dihancurkan oleh Allah dengan menggunakan air. Umat Nabi Nuh umpamanya telah dihancurkan dengan banjir besar akibat keingkaran mereka terhadap seruan dakwah baginda. Firaun dan bala tentera dihancurkan dengan air laut disebabkan oleh keingkaran mereka terhadap seruan dakwah Nabi Musa. Ekoran daripada itu, ramai para pengkaji ingin menyelongkah rahsia khazanah al-Qur'an.

Ia telah menarik perhatian ramai pengkaji untuk menyelami kepelbagaian aspek air. Maka, wujudlah pelbagai kajian terhadap penemuan air dalam al-Qur'an dan ia direalisasikan sama ada menerusi kajian ilmiah atau saintifik. Oleh itu, kajian ini ingin mengupas serba sedikit isu yang menarik perhatian terhadap air dalam al-Qur'an dari sudut estetika bahasa. Hasil penelitian terhadap kajian yang telah dibangkitkan oleh pengkaji silam dan moden membuahakan beberapa garis panduan terhadap kajian tentang air dalam al-Qur'an. Justeru, kajian ini ingin memperhalusi semua pengkajian terdahulu dan terkini sebagai satu tinjauan literatur terhadap kajian tersebut. Semoga dengan tinjauan tersebut, ia dapat membantu kepada pembentukan satu penyataan masalah baru yang berkaitan.

Metodologi

Kajian ini pada asasnya mendasari pendekatan kualitatif yang menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Pengumpulan data diperolehi melalui kaedah analisis dokumen yang terdiri daripada buku, artikel dan tesis yang berkaitan dengan tajuk air dalam al-Qur'an. Kemudian, data yang terkumpul dianalisis secara deskriptif.

Dapatan Dan Perbincangan

1) Perbincangan *Al-Ma'* Dalam al-Qur'an

Terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan air dalam al-Qur'an telah dikumpulkan dalam menjayakan tinjauan literatur. Kajian tersebut telah dibincangkan dalam pelbagai sudut kajian menerusi hasil karya buku, artikel dan tesis. Setiap kajian tersebut mempamerkan aspek bidang kajian masing-masing. Perbincangan dimulakan kajian yang telah dihasilkan oleh para pengkaji. Al-Bar (1983) memulakan perbincangan yang berkaitan tentang peringkat penciptaan manusia menurut perspektif perubatan dan al-Qur'an. Beliau menyebut bahawa perubatan dan al-Qur'an mempunyai hubungan yang berkait antara satu sama lain. Hasil penelitian mendapati bahawa penciptaan manusia dalam perubatan adalah sejajar dengan apa yang telah dijelaskan oleh al-Qur'an. Permulaan kejadian manusia adalah bermula daripada *nutfah*. Lafaz ini disebut sebanyak dua belas kali kekerapan pengulangannya dalam al-Qur'an. Kadang-kadang ia disebut dengan lafaz *ma' al-mahin*, *ma' al-dafiq* dan adakalanya ia disebut sebagai *al-maniy*. Pada asasnya, *nutfah* terbahagi kepada tiga kategori iaitu air mani lelaki yang mengandungi sperma. Kedua, air mani perempuan iaitu telur yang terhasil sekali dalam setiap bulan. Ketiga, telur yang disenyawakan dan ia disebut sebagai ovum. Oleh itu, penjelasan ini menunjukkan bahawa proses penciptaan manusia adalah berperingkat-peringkat. Ini menjadi bukti bahawa kejadian manusia dari sudut perubatan adalah bertepatan dengan apa yang terkandung dalam al-Qur'an. Justeru, kajian ini dilihat memberikan sumbangan kepada dunia perubatan yang berorientasikan al-Qur'an.

Kajian yang dilakukan oleh I. A. Ibrahim (1997) ada mengupas beberapa bukti tentang kebenaran Islam. Kajian beliau ini lebih berkait rapat tentang sains dan al-Qur'an sebagai bukti kebenaran isi kandungan al-Qur'an. Hasil kajiannya mendapati bahawa sains moden telah menemui satu benteng pertemuan antara dua laut. Benteng tersebut telah memisahkan kedua-dua laut sehingga masing-masing mempunyai suhu, kemasinan dan ketumpatan yang tersendiri. Contoh yang jelas ialah laut Mediterranean di mana laut tersebut adalah panas, masin dan kurang tumpat jika dibandingkan dengan lautan Atlantik. Apabila laut Mediterranean memasuki lautan Atlantik, ia mengalir beberapa ratus kilometer pada kedalaman kira-kira 1000 meter dengan kepanasan dan kemasinannya tersendiri serta ketumpatan yang lebih rendah. Walaupun terdapat ombak besar, arus yang kuat dan kejadian pasang-surut, kedua-dua laut ini tidak bercampur antara satu sama lain. Dalam yang hal seperti ini, al-Qur'an telah menyebut tentang kewujudan benteng antara dua laut yang bertemu dan kedua-dua laut itu tidak melampaui banteng tersebut. Justeru, kajian ini dilihat membuktikan mukjizat isi kandungan al-Qur'an dan ia memberikan sumbangan besar kepada dunia saintifik yang membenarkan apa yang termaktub oleh al-Qur'an.

Seterusnya, Muhammad Fayyad (1999) ada membincangkan tentang kejadian manusia menerusi perspektif al-Qur'an. Kajian tersebut bertujuan untuk menghuraikan secara terperinci peringkat kejadian manusia yang dinyatakan dalam al-Qur'an. Menurutnya, peringkat awal kejadian manusia yang disebutkan dalam al-Qur'an ialah *nutfah*. *Nutfah* merujuk kepada benih lelaki dan benih perempuan. *Nutfah* bagi lelaki disebut sebagai air mani atau sperma manakala bagi perempuan, ia disebut sebagai telur yang menjadi tempat untuk menerima sperma. Antara keajaiban yang tertera pada manusia ialah penciptaan tubuh perempuan yang mengandungi rahim untuk proses kehamilan. Apabila cukup tempohnya, ovum bagi seorang perempuan akan mengeluarkan telur yang matang dan bersedia untuk disenyawakan. Setelah telur tersebut bersatu dengan benih

lelaki, ia akan menempel dalam rahim lalu membentuk proses kehamilan. Oleh itu, proses yang berlaku ini menjelaskan kebenaran dan kehebatan al-Qur'an tentang kejadian manusia secara terperinci dan tepat.

Melihat kepada kajian Bakdash (1999), beliau ada memberikan pencerahan tentang kelebihan air zam-zam. Kajian tersebut memberikan penerangan tentang air zam-zam dari sudut sejarah, nama, ciri-ciri dan lain-lain. Beliau mendasari al-Qur'an, hadis, sejarah, dan perkamusan Arab sebagai garis panduan dalam kajian. Menurutnya, air zam-zam dinamakan sedemikian rupa kerana ia menunjukkan ketinggian dan kelebihan air tersebut. Air zam-zam merupakan air yang terbaik di atas muka bumi dan ia penghulu kepada sekalian air. Malah, ia juga adalah minuman yang mempunyai keberkatan dan khasiat tersendiri hingga membawa kepada berbagai-bagai nama. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat enam puluh nama air zam-zam dan ia lebih merujuk kepada ciri-ciri, sifat dan kelebihan airnya. Antaranya ialah *barakah* dan *mubarakah*, *barrah*, *bushra*, *haramiyyah*, *al-rawa'* dan *shabba^cah*. Selain itu, kajian ini turut menjelaskan bahawa air zam-zam merupakan salah satu daripada mata air dalam syurga. Beberapa hadis menyebut tentang kelebihan ini dan sebagai kesimpulan, air zam-zam mengandungi banyak kelebihan dan manfaat. Disebabkan itu, tiada air di dunia ini yang boleh menandingi air zam-zam dari segala aspek keistimewaan dan kelebihan. Pendek kata, ia adalah air seakan-akan memiliki sifat air syurga yang boleh menjadi penawar, mengenyangkan dan aliran airnya tidak pernah terputus. Impak daripada kajian ini memperlihatkan sumbangan besar dalam aspek sejarah yang tidak boleh dipertikaikan kebenaran air zam-zam ini.

Al-^cAbadasah (2002) ada memberikan penjelasan secara terperinci tentang nama air atau lafaz yang berkaitan dengan air dalam al-Qur'an. Ia bertujuan untuk mengumpulkan ayat al-Qur'an yang berkisar tentang air dan perbincangan yang berkaitan. Dari kajian tersebut, beliau menyatakan bahawa air yang wujud di atas muka bumi mengandungi sumber yang tersendiri. Sumber pertama ialah air yang terpancar dari bumi dan ia diperolehi daripada mata air, sungai-sungai dan air perigi. Sumber kedua diperolehi daripada air yang turun dari langit iaitu air hujan dan wadi. Beliau turut menyatakan bahawa air yang terkandung dalam al-Qur'an mengandungi berbagai-bagai nama berdasarkan lafaz-lafaz tertentu. Antaranya ialah *al-matar* iaitu air hujan. Umumnya, air hujan ialah air yang turun dari langit dan memberikan kebaikan serta manfaat kepada manusia, tanaman, haiwan dan lain-lain. Perkataan *al-matar* memberikan dua pengertian dalam al-Qur'an iaitu air hujan yang turun dari langit dan pengertian kedua ialah batu yang menurunkan azab dari langit. Kesimpulan dari kajian ini, dapat diperhatikan gaya penulisannya lebih cenderung kepada kajian tematik yang memfokuskan ayat-ayat al-Qur'an berkaitan dengan air menerusi al-Qur'an.

Kajian seterusnya ialah buku yang dihasilkan oleh al-Za^carir (2003). Ia membincangkan tentang lafaz-lafaz air yang terkandung dalam al-Qur'an. Menurut terminologi al-Qur'an, terdapat berbagai-bagai nama atau lafaz yang diinterpretasikan sebagai air namun perkataan *al-ma'* ialah nama utama bagi air keseluruhan dalam al-Qur'an. Dalam erti kata yang lain, *al-ma'* meliputi seluruh jenis air dalam al-Qur'an dan melihat kepada etimologi, asal perkataan tersebut bermula dengan perkataan (موة).

Terdapat perubahan huruf pada perkataan tersebut dan ia mengandungi 63 kali kekerapan pengulangannya dalam al-Qur'an. Hasil kajian tersebut juga mendapati bahawa terdapat 35 perkataan yang disenaraikan sebagai nama atau lafaz air dalam al-Qur'an. *Al-matar* dan *al-ghayth* adalah antara nama bagi air dan ia memmanifestasikan maksud yang sama iaitu air hujan. Beliau menjelaskan bahawa *al-matar* ialah air hujan yang berkumpul di awan kemudian turun sebagai hujan dan ia digunakan dalam al-Qur'an sebagai air yang turun

membawakan azab. Melihat kepada kajian ini, ia lebih bertumpukan kepada aspek terminologi yang menghasilkan satu penemuan baru terhadap kajian al-Qur'an.

Ubaydiyyah (2003) dalam kajiannya turut membicarakan tentang air yang terkandung dalam al-Qur'an. Ia bertujuan untuk mengumpulkan ayat-ayat al-Qur'an yang mengandungi perkataan dan lafaz air dalam al-Qur'an. Ia mendasari al-Qur'an sebagai sumber utama kajian kerana ia tertumpu kepada kajian teks al-Qur'an sebagai perbincangan. Hasil kajian mendapati bahawa air yang terkandung di muka bumi diklasifikasikan kepada empat kategori iaitu air daratan, air dasar bumi, air laut dan air yang turun dari langit. Pertama, air yang mengalir di atas permukaan bumi yang dikenali sebagai air daratan. Ia merujuk kepada sungai-sungai (*al-anhar*), wadi-wadi (*al-awdiyah*) dan air tasik. Kedua, air dasar bumi yang wujud di dasar perut bumi kemudian terbit menjadi mata air. Ketiga, air laut yang merupakan air semula jadi bersifat masin dan mempunyai keluasan serta kedalaman air yang cukup dalam. Keempat, air yang turun dari langit dan ia dikenali sebagai air hujan. Menurut terminologi al-Qur'an, air sungai disebut *al-anhar* dan ia antara nikmat yang diciptakan Allah kepada manusia. Air sungai yang mengalir ke barat, timur dan sebagainya adalah lubuk rezeki kepada manusia serta sekalian alam. Jelasnya, air sungai adalah sumber yang utama kepada penduduk alam dan menjadi salah satu dari mata pencarian rezeki kehidupan.

Dalam kajian yang ditulis oleh al-Zahid (2006), beliau menerangkan beberapa keajaiban ciptaan Allah yang wujud di alam ini. Ia bertujuan untuk merungkakan keajaiban ciptaan Allah yang terkandung di atas muka bumi. Terdapat berbagai-bagai ciptaan yang menjadi tanda kebesaranNya secara mutlak dan setiap penciptaan mempunyai keajaibannya tersendiri. Antara keajaiban tersebut ialah berkenaan dengan air. Setiap kehidupan di alam ini bermula daripada air dan ia memberikan kehidupan kepada sekalian makhluk. Hal ini termaktub dalam kebanyakan buku perubatan. Dari sudut manfaat, ia menunjukkan bahawa apabila air dicampurkan dengan minuman lain, ia membantu menambahkan lagi rasa keenakan minuman tersebut. Dari aspek kebersihan, air merupakan cecair yang membersihkan badan, pakaian dan melunturkan kotoran yang lain. Aspek lain turut memperlihatkan bahawa air boleh bertindak sebagai elemen bahan binaan bagi bangunan-bangunan. Percampuran air dan tanah membentuk bahan binaan yang sehati membantu kepada struktur binaan yang kukuh dalam pembinaan. Selain itu, air dilihat sebagai elemen pembasmian api apabila berlaku kebakaran dan ia bertindak sebagai pembasmi kuman bagi tubuh manusia. Oleh yang demikian, apa yang telah dinyatakan dalam kajian ini adalah keajaiban air yang tidak boleh dipertikaikan kebenarannya dari sudut saintifik dan setiap ciptaanNya mengandungi keajaiban tersendiri.

Dari sudut perubatan, air dilihat sebagai alternatif dalam sesuatu rawatan. Perkara ini dirungkakan oleh Muhammad Kamal (2008) menerusi hasil kajiannya. Kajian tersebut bertujuan untuk mengeksplorasi segala rahsia dan kelebihan air dalam sesuatu rawatan. Beliau menyebut bahawa rawatan yang menggunakan air dan kaedah (*Hydrotherapy*) antara kaedah rawatan yang digunakan pada masa kini. Air yang digunakan dalam rawatan terdiri daripada unsur oksigen dan hidrogen. Kedua-dua unsur tersebut adalah asas kepada setiap kehidupan yang wujud. Terdapat beberapa jenis air yang sesuai digunakan dalam rawatan dan antaranya ialah air zam-zam. Ia merupakan air yang paling mujarab dan sesuai digunakan dalam rawatan kerana ciri-ciri dan keistimewaannya tidak dapat ditandingi oleh air yang lain. Hasil dari kajian tersebut mendapati bahawa penggunaan air dalam rawatan boleh menjadi pembasmi kuman dan penyakit dalam tubuh badan khususnya pada bahagian usus. Dengan mengamalkan minuman segelas air di awal pagi sebelum sarapan, ia boleh melancarkan perjalanan usus yang baik dari kelaparan dan dikira sebagai rawatan yang paling mudah. Sekumpulan doktor pakar dari Jepun telah meneliti

kejayaan di sebalik rawatan menggunakan air. Kesimpulannya, rawatan seperti ini mampu mengurangkan risiko penyakit kritikal seperti sakit kepala, penyakit hati, kegemukkan, penyakit paru-paru dan asma. Justeru, dapat dikatakan bahawa air adalah alternatif utama dalam sesuatu rawatan masa kini yang boleh memberi impak positif kepada manusia dan lain-lain. Natiujahnya, penemuan baru dalam kajian ini memberikan satu idea bernas kepada dunia perubatan masa kini.

Al-Sawfi (2008) dalam kajiannya ada membicarakan tentang kebesaran Allah dalam penciptaan angin, hujan dan gunung berapi. Hujan yang turun membasahi bumi adalah antara satu daripada tanda kebesaranNya dan hujan yang dimaksudkan ialah air yang turun dari awan membasahi permukaan bumi. Al-Qur'an telah spesifikasikan perkataan tertentu yang berkaitan dengan hujan. *Al-ghayth* ialah hujan yang dinyatakan dalam al-Qur'an sebagai hujan membawa nikmat dan rahmat. Manakala *al-matar* ialah hujan yang turun membawa azab dan kehancuran. Al-Qur'an memperingatkan bahawa air hujan yang turun adalah atas kehendak dan kekuasaan Allah. Sebelum turunnya air hujan ke muka bumi, terdapat beberapa proses yang membawa kepada pembentukan hujan. Al-Qur'an menerangkan bahawa air disejat naik ke permukaan awan melalui proses penyejatan. Air tersebut akan berubah menjadi wap air apabila disejat naik ke permukaan awan melalui sinaran matahari. Ia membentuk kepulan awan yang mengandungi kuantiti air di dalamnya. Kemudian, awan akan menurunkan air tersebut ke permukaan bumi yang disebut sebagai hujan. Hakikatnya, proses yang berlaku ini menjadi tanda kekuasaanNya dan penurunan air hujan itu juga adalah atas kehendakNya yang Esa.

Dalam kajian berikutnya hasil karangan Muh. Anis (2008), beliau memberi penerangan tentang kejadian manusia dari sudut kependidikan. Ia bertujuan untuk memberikan pencerahan tentang konsep kejadian manusia yang dinyatakan dalam al-Qur'an. Dengan berteraskan al-Qur'an sebagai sandaran dalam kajiannya, beliau merungkaikan beberapa konsep kejadian manusia dan tugasnya seperti yang termaktub dalam al-Qur'an. Hasil dari penelitian tersebut mendapati bahawa al-Qur'an mengungkapkan bahawa manusia secara hakikatnya diciptakan daripada air yang terpancar iaitu *nutfah*. *Nutfah* pada asalnya bermaksud setitis air mani dan dinamakan sedemikian kerana ia adalah setitis air yang diciptakan daripada laki-laki. Air tersebut memancar ke dalam rahim dan ia mengandungi unsur air. Oleh itu, dapat difahami bahawa konsep asal usul kejadian manusia adalah bermula daripada air yang bernama *nutfah*. Dari sudut kependidikan atau tugas manusia, manusia diiktiraf sebagai makhluk yang beragama kerana ia diciptakan oleh Allah sebagai pembawaan agama tauhid. Lantaran itu, kajian ini memberikan penambahbaikan info terhadap konsep kejadian manusia dan ia dilihat lebih menjurus kepada perbincangan konsep kejadian manusia.

Menerusi kajian Yedi Purwanto (2008), beliau ada menerangkan serba sedikit tentang air yang boleh dijadikan sebagai terapi pengubatan. Beliau menyebut bahawa segelas air sahaja dapat menjadi alternatif pengubatan terhadap penyakit tertentu dengan izin Allah. Air mampu memberikan implikasi pengubatan terhadap berbagai-bagai kondisi penyakit manusia. Pengidap penyakit batu ginjal misalnya disarankan oleh doktor supaya banyak meminum air putih. Penyakit demam berdarah, darah tinggi dan penyakit yang lain turut disarankan untuk banyak meminum air putih. Namun, tidak semua jenis air berfungsi sebagai penawar kerana air tertentu sahaja memiliki kemampuan untuk dijadikan sebagai ubat. Air yang berfungsi sebagai sarana pengubatan ialah air yang suci bersih dari kuman dan najis. Hasil kajian menunjukkan bahawa air zam-zam ialah air yang terbaik untuk dijadikan terapi pengubatan. Ia menjadi pilihan utama umat Islam dan diyakini memiliki khasiat pengubatan di samping dapat menghilangkan haus. Setiap hari mereka meminum air zam-zam setelah melaksanakan ibadah, tawaf, sa'i, solat dan bacaan Qur'an. Mereka

meyakini bahawa air zam-zam merupakan mukjizat Nabi Ismail yang dapat dinikmati oleh umat Islam seluruh dunia hingga kini sedangkan usia air tersebut telah menjangkau ribuan tahun yang lalu. Penelitian terhadap air zam-zam dari celah-celah mata airnya dilakukan untuk mengetahui kewujudan bakteria dalam air tersebut. Maka, jelas terbukti bahawa air zam-zam adalah suci bersih dan tidak mengandungi sebarang bakteria. Justeru, ini membuktikan kebenaran air zam-zam yang merupakan terapi air yang paling baik di dunia dan kesuciannya tidak dapat dicemari.

Al-Sahim (2009) dalam kajiannya ada membahaskan tentang air yang menjadi tanda keesaan Allah. Ia bertujuan untuk menerangkan bukti keesaan Allah menerusi aspek akidah. Antara tanda yang membuktikan keesaannya ialah melalui penciptaan air yang turun dari langit. Al-Qur'an menerangkan bahawa Allah menjadikan bumi sebagai hamparan kepada manusia, langit sebagai bangunan dan langit jugalah yang menurunkan air hujan lalu mengeluarkan pelbagai jenis buah-buahan sebagai rezeki. Tanda yang berikutnya dilihat menerusi penciptaan berbagai-bagai jenis buah daripada satu air yang sama. Dengan air hujan yang mencurah turun ke bumi, ia dapat mengeluarkan hasil tanaman dan buah-buahan yang berbagai-bagai. Justeru, apa yang diperhatikan ialah air yang turun ke bumi adalah air yang sama dan bukannya air yang berbeza. Dengan berbekalkan air hujan yang mencurah ke bumi sahaja dapat menumbuhkan berbagai-bagai hasil yang menjadi rezeki kepada sekalian makhluk. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa air adalah asas penciptaan dan kehidupan. Ini membuktikan bahawa Allah berupaya untuk menciptakan sesuatu daripada air dan menjadikannya hidup. Maka, menjadi kewajipan bagi manusia untuk mengabdikan diri kepada Allah dengan sepenuh pengabdian dan keimanan yang tidak berbelah bagi.

Menerusi kajian yang ditulis oleh Mochamad Imamudin (2012), beliau menyebut tentang pengertian asal bagi air dalam al-Qur'an. Ia bertujuan untuk membicarakan tentang peranan air menurut perspektif al-Qur'an dan beliau menjadikan al-Qur'an sebagai teras utama dalam kajian. Hasil penelitiannya mendapati bahawa perkataan air yang wujud dalam al-Qur'an disebut dalam bentuk *mufrad* menerusi perkataan *ma'*. Namun demikian, tidak semua perkataan *ma'* membawa pengertian air yang mengandungi unsur oksigen dan hidrogen. Ia merangkumi pengertian yang luas. Antaranya ialah berkait rapat dengan penciptaan manusia yang bermula daripada air. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa perkataan *ma'* dalam al-Qur'an menjelaskan informasi tentang penciptaan manusia yang bermula daripada sejenis air iaitu *ma' mahin* dan *ma' dafiq*. Kedua-dua perkataan ini diterjemahkan sebagai air mani atau sperma. Dalam kajian tersebut, beliau tidak menghadkan kepada mana-mana aspek atau skop yang dikaji dan ia lebih berkisar kepada kajian terhadap air secara umum.

Andi Achruh AB. Pasinringi (2012) dalam kajiannya turut mengupas lebih lanjut tentang air dalam proses penciptaan manusia. Ia bertujuan untuk menghuraikan proses kejadian manusia dan perkembangannya menurut konsepsi pendidikan Islam. Asas kepada kajian beliau adalah berteraskan ayat-ayat al-Qur'an dan tafsiran para ilmuan Islam. Beliau memberi penjelasan bahawa proses kejadian manusia bermula daripada air terlebih dahulu dan ia tidak boleh dinafikan. Melalui kajian ini, didapati bahawa manusia sebenarnya diciptakan daripada sejenis air iaitu *ma' mahin*, *ma' dafiq* dan *nutfah*. Oleh kerana itu, air yang dimaksudkan di sini lebih tepat diinterpretasikan sebagai air mani atau sperma yang keluar ketika hubungan kelamin suami isteri. Air tersebut akan tumbuh menjadi seorang bayi. Lalu, Allah meletakkan air tersebut ke dalam rahim perempuan sebagai tempat bermula proses kejadian manusia. Dari kajian ini, ternyata bahawa metode penulisannya tidak bertumpu kepada aspek khusus yang dikaji malah ia lebih umum kepada perbincangan air dalam al-Qur'an.

Melihat kepada kajian Jathim (2015), beliau ingin memperlihatkan jenis-jenis air yang wujud dalam al-Qur'an. Beliau menyebut bahawa air mempunyai kepentingan dalam kehidupan di atas muka bumi ini. Ramai saintis telah menjalankan kajian dan penyelidikan saintifik untuk mengesan komponen air dan rahsianya. Dari kajian tersebut, dapat dilihat bahawa air terdiri daripada lapan jenis kelompok yang utama. Pertama, ialah air yang wujud sebelum terciptanya langit dan bumi. Kedua, air yang menjadi asas kepada penciptaan makhluk yang bernyawa. Ketiga, air yang menjadi asas kepada terciptanya manusia terawal. Keempat, air bumi. Kelima, air yang turun dari langit. Keenam, air yang mengalir dan membentuk manusia. Ketujuh, air yang mengalir dan membentuk haiwan. Kelapan, air yang terdapat di alam akhirat yang disediakan kepada penghuni syurga dan neraka. Setiap penghuni syurga dan neraka akan dilimpahkan dengan nikmat air dan azab air yang menanti mereka di sana kelak. Justeru, air yang dilimpahkan kepada penghuni syurga adalah nikmat dan rezeki kepada mereka kelak. Manakala air yang dilimpahkan kepada penghuni neraka adalah nikmat azab perit yang tidak terperi buat mereka.

2) *Al-Ma'* Dari Konteks Estetika Bahasa

Dalam kajian yang ditulis oleh ^cAyda (1990), beliau merungkaikan perbincangan tentang lafaz *al-matar* dan *al-sahab* dari sudut *lughawiyyah*. Beliau menyatakan bahawa perkataan *al-matar* dan *al-sahab* mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Kedua-duanya mengandungi sejarah kewujudan tersendiri di alam ini. Terdapat satu unsur yang wujud di antara *al-matar* dan *al-sahab* iaitu *al-rih* (angin). *Al-rih* ialah wap air kering yang membentuk angin apabila terkena cahaya matahari. *Al-sahab* terbentuk daripada wap air kering yang disejat oleh cahaya matahari lalu membentuk gumpalan awan. *Al-matar* pula ialah proses penurunan air hujan yang terhasil daripada proses penyejukan wap air yang membentuk gumpalan awan. Hasil kajian memaparkan bahawa ketiga-tiga perkataan tersebut mempunyai penggunaan yang tersendiri dari konteks bahasa menerusi sumber-sumber klasik seperti puisi dan prosa Arab. Daripada ketiga-ketiga lafaz tersebut, *al-matar* mengandungi pecahan dan cabang lafaz yang berkaitan dengannya iaitu *al-barq*, *al-ra^cd* dan *al-sa^ciqah*. Semua perkataan ini mempunyai penggunaan tersendiri sama ada melalui sumber klasik Arab atau sumber terkini. Tuntasnya, hasil kajian ini memperlihatkan satu kajian yang menjurus kepada aspek pecahan bahasa atau cabang bahasa yang menjadi skop dan tumpuan dalam kajian.

Dalam kajian yang ditulis oleh Ahmad (2003), beliau mengetengahkan satu perbincangan yang berkaitan tentang air. Kajian tersebut ingin membahaskan tentang ayat Qur'an yang meliputi lafaz air dan tumbuhan dari sudut tatabahasa Arab menerusi aspek binaan ayat dan *dilalah*. Hasil kajian tersebut memperlihatkan bahawa ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan air banyak menyentuh kupasan tentang penggunaan tatabahasa Arab. Perkara ini dapat dilihat menerusi penggunaan *jumlah al-ismiyyah*, *jumlah al-fi^cliyyah*, *al-mansubat*, *al-tawabi^c*, *fa^cil* dan *jar wa majrur*. Beliau menyebut bahawa terdapat lebih kurang lima ratus ayat menyentuh tentang air dan tumbuhan dalam al-Qur'an. Setiap isu yang menyentuh perbincangan tentang air dan tumbuhan menunjukkan tanda kekuatan Allah yang tiada sempadan. Dari hasil kajian ini, nisbah lafaz air dalam al-Qur'an adalah lebih kurang 62.3% manakala nisbah lafaz tumbuhan adalah dalam lingkungan 37.7% meliputi ayat al-Qur'an yang telah dibincangkan. Ini menjadi realiti yang tidak boleh disangkal bahawa air adalah punca kepada wujudnya tumbuhan. Peratusan tersebut menunjukkan bahawa lafaz air dalam al-Qur'an banyak melibatkan aspek tatabahasa Arab. Oleh itu, kajian ini dilihat sebagai satu kajian yang cenderung ke arah kajian tatabahasa Arab.

Hasan (2007) dalam kajiannya pula ada membahaskan tentang perubahan makna sesuatu lafaz berdasarkan perkamusan dan konteks al-Qur'an. Menurutnya, makna bagi sesuatu lafaz atau perkataan dalam kamus boleh berubah-ubah mengikut konteks ayat al-Qur'an. Adakalanya ia boleh menginterpretasikan berbagai-bagai makna dan beliau mendatangkan contoh lafaz *rahmah* yang boleh memberikan beberapa makna mengikut konteks ayat. Dari sudut perkamusan Arab, ia mempunyai makna yang terbatas namun dari sudut al-Qur'an, ia menjustifikasikan beberapa makna yang berbeza antaranya *al-^cafiyah*, *al-si^cah*, *al-matar*, *al-rizq*, *al-jannah* dan *al-iman*. Dalam masa yang sama, terdapat juga beberapa lafaz yang berbeza dan ia mendefinisikan makna yang sama. Contohnya *matar* dan *ghayth* adalah dua perkataan berbeza yang diertikan sebagai air yang turun dari langit. Akan tetapi, dari sudut kontekstual ayat al-Qur'an kedua-dua lafaz ini mengandungi makna spesifik yang berbeza antara satu sama lain. Menurut al-Qur'an, lafaz *ghayth* adalah lafaz yang menunjukkan air yang turun dari langit sebagai rahmat kepada hambaNya. Manakala lafaz *matar* menunjukkan air yang turun dari langit itu sebagai azab dan siksaan. Kesimpulannya, makna bagi sesuatu lafaz dalam sistem perkamusan adalah terbatas dan jauh berbeza dari konteks al-Qur'an yang begitu luas tidak terbatas makna bagi sesuatu lafaz.

Kajian yang seterusnya ialah artikel yang dikarang oleh Muhammad (2010). Kajian ini ingin memperlihatkan lafaz-lafaz air dalam al-Qur'an menerusi konteks *dilalah*. Antara isu berbangkit ialah perkataan *al-matar* dan *ghayth*, *al-bahr* dan *al-yam*, *al-sahab* dan *al-muzn*, *al-jub* dan *al-bi'r* serta perkataan *al-^cuyun* dan *al-yanabi^c*. Beliau menyebut bahawa perkataan tersebut mempunyai makna yang hampir sama tetapi ia tidak menjustifikasikan padanan makna yang tepat. Hal ini kerana al-Qur'an tidak pernah mengaplikasikan makna yang sama bagi dua perkataan yang berbeza. Dari kajian tersebut, didapati bahawa air laut dikenali dengan lafaz *al-bahr* dan *al-yam* dalam al-Qur'an. Dari sudut bahasa, para sarjana menyebut bahawa perkataan *al-yam* adalah perkataan yang tepat untuk memmanifestasikan makna air laut. Manakala *al-bahr* menerangkan konsep laut yang merujuk kepada satu kawasan besar, luas, mengandungi kuantiti air yang banyak dan kedalamannya amat dalam. Kekekapan perkataan *al-bahr* dalam al-Qur'an dapat dilihat penggunaannya dalam bentuk *mufrad*, *muthanna* dan *jam^c*. Sehubungan itu, kajian ini dianggap sebagai satu kajian yang menyumbang kepada perkembangan aspek *dilalah* dalam bahasa Arab.

Kajian yang ditulis oleh al-Bakri (2011) pula ada menyentuh isu berbangkit tentang lafaz-lafaz air hujan dalam al-Qur'an menerusi aspek *dilalah*. Natijah dari kajian tersebut mendapati bahawa terdapat dua belas perkataan yang menghuraikan tentang air hujan. Lapan daripada perkataan tersebut menghuraikan air hujan secara hakikat iaitu *al-matar*, *al-ghayth*, *al-sayyib*, *al-wabil*, *al-tal*, *al-wadq*, *al-ma'* dan *al-husban*. Manakala perkataan *al-sama'*, *al-rizq*, *al-rahmah* dan *al-raj^c* pula mengungkapkan air hujan secara *majaz* yang bertujuan untuk memperkayakan bahasa. Beliau menyebut bahawa lapan perkataan air hujan tersebut dinyatakan dalam al-Qur'an secara hakikat tetapi, semua perkataan tersebut tidak dianggap sinonim padahal ia memberikan makna yang sama. Beliau mendatangkan contoh iaitu lafaz *al-ghayth* dan *al-matar* yang menginterpretasikan makna air hujan. Lalu, beliau menyebut bahawa para ilmuan berpendapat bahawa kedua-dua perkataan tersebut adalah sinonim yang menerangkan tentang air hujan. Namun, beliau menzahirkan pendirian bahawa semua lafaz atau perkataan air hujan pada hakikatnya tidak dianggap sinonim dan tidak memberikan makna yang sama antara satu sama lain.

Al-Sayyid (2015) dalam kajiannya ada membincangkan tentang lafaz dan struktur binaan ayat dari konteks al-Qur'an. Kajian ini ingin memperhalusi beberapa lafaz dalam al-Qur'an yang boleh menginterpretasikan makna baru dalam struktur binaan ayat al-Qur'an. Menurutnya, terdapat beberapa struktur binaan baru yang mempamerkan makna

baru berdasarkan konteks ayat al-Qur'an. Malah, lafaz dalam al-Qur'an boleh menterjemahkan satu pengertian baru yang menepati konteks ayat. Beliau mendatangkan contoh perkataan hujan dalam al-Qur'an iaitu *al-ghayth* dan *al-matar*. Kedua-dua perkataan ini wujud dalam puisi klasik Arab dan kebanyakan daripada penyair di zaman Jahiliah menzahirkan kesepakatan makna yang sama bagi perkataan tersebut. Namun demikian, kedua-dua perkataan tersebut mengalami perubahan makna setelah turunnya al-Qur'an lalu menjelaskan bahawa *al-ghayth* adalah hujan yang memberi rahmat. Manakala *al-matar* diertikan sebagai hujan yang turun membawa azab dan kehancuran. Pendek kata, *al-ghayth* dan *al-matar* mempunyai makna spesifikasi yang tersendiri. Kesimpulannya, setiap lafaz dan perkataan dalam al-Qur'an boleh memperlihatkan kehalusan makna tersendiri berdasarkan konteks ayat al-Qur'an. Justeru, kajian ini dilihat sebagai penambahbaikan dalam bidang semantik bahasa Arab.

3) Isu dan Pernyataan Masalah

Setelah memperhalusi kajian-kajian yang telah dinyatakan tersebut, ia amat menarik perhatian bagi mengenalpasti kepelbagaian perkataan air dalam al-Qur'an dengan lebih terperinci. Namun demikian, terdapat isu yang dikenalpasti dari kajian tersebut dan ia perlu kepada perhatian serius. Kenyataan al-Bakri (2011) mempamerkan satu permasalahan yang timbul rentetan daripada perbezaan pendapat antara beliau dan para ilmunan lain tentang lafaz air dalam al-Qur'an. Ini menunjukkan percanggahan pendapat yang tidak membawa kepada kesepakatan konsesus dan ia perlu kepada satu pencerahan yang muktamad. Pandangan Muhammad (2010) pula mencernakan jurang kecil perbezaan pendapat yang wujud antara al-Bakri (2011) namun, perselisihan ini lebih tertumpu kepada skop *dilalah*. Daripada kajian yang telah direalisasikan oleh para pengkaji, kebanyakan kajian mereka lebih membincangkan perkataan air dalam al-Qur'an semata-mata.

Kajian mereka tidak memperincikan justifikasi setiap pemilihan lafaz air dalam setiap kedudukan ayat al-Qur'an yang berbeza-beza. Mereka perlu menerangkan pengulangan lafaz air dalam ayat al-Qur'an yang berbeza memberikan makna yang sama atau sebaliknya. Dari sudut penggunaan lafaz air dalam ayat yang berbeza-beza juga tidak dinyatakan sama ada penggunaan dari sudut bahasa Arab dan sebagainya adalah sama atau sebaliknya. Malah, kecenderungan terhadap perbahasan dari sudut estetika juga kurang diberikan fokus. Hal ini bertepatan dengan saranan daripada Jathim (2015) yang menyebut bahawa skop bidang kajian berkenaan dengan jenis-jenis air dalam al-Qur'an sentiasa terbuka dan implikasinya terhadap makna dalam konteks ayat al-Qur'an menjurus kepada pemahaman maksud yang sebenar. Ia juga menunjukkan sumber sebenar al-Qur'an itu datang daripada Allah. Justeru, ia menjadi satu seruan kepada orang-orang Islam untuk menambahkan lagi skop kajian bahasa (*i'jaz lughawi*) dan saintifik (*i'jaz 'ilmi*) terhadap air ini. Jelasnya, kekurangan yang wujud dalam kajian terdahulu merupakan masalah utama yang perlu diberikan perhatian bagi menghasilkan penyelesaian dan penjelasan yang lebih sahih dan tepat terhadap perkataan atau lafaz air dalam al-Qur'an secara menyeluruh. Kehalusan bagi setiap perkataan atau lafaz air dalam al-Qur'an dapat diperhalusi.

Kesimpulan

Air yang wujud dalam al-Qur'an mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Penggunaan dan kewujudannya menunjukkan kemukjizatan al-Qur'an dalam berbagai-bagai aspek bahasa Arab. Justeru, tinjauan literatur ini bertujuan untuk melihat metode penggunaan air

dalam al-Qur'an dan membuktikan kemukjizatan al-Qur'an menerusi perspektif bahasa Arab sendiri. Menerusi perbahasan terhadap kajian-kajian terdahulu, ia memberikan sedikit garis panduan terhadap isu baru yang dapat dijadikan sebagai pernyataan masalah baru.

Apa yang pasti ialah setiap intipati dalam al-Qur'an mengandungi rahsia dan hikmah yang perlu diterokai secara ilmiah. Segala hasil kajian yang telah dihasilkan oleh para ilmuan dan pengkaji membuktikan bahawa al-Qur'an mempunyai kemukjizatan dan khazanah tersendiri. Setiap yang tersirat dalam al-Qur'an masih terus diterokai oleh segenap lapisan masyarakat lantas menunjukkan kehebatan dan keagungan rahsia kalam Allah. Sehubungan itu, semua kajian lampau telah memberikan sedikit ruang dan lompangan terhadap kajian baru yang boleh diterokai. Tuntasnya, percambahan idea dan kesinambungan usaha adalah bertitik tolak daripada sumbangan lampau. Kajian ini diharap dapat memenuhi dan menyumbang kepada masyarakat dan seterusnya generasi akan datang.

Bibliografi

- al-Bar, Muhammad °Ali. 1983. *Khalq al-Insan Bayna al-Tibb wa al-Qur'an*. Jeddah: Dar al-Sa°udiyyah.
- Andi Achruh AB. Pasinringi. 2012. Manusia Prenatalis Dalam Perspektif al-Qur'an. *Tarbiyah dan Keguruan* 1(1): 155-133.
- Ahmad, Sidqi Ahmad Abu al-Futuh. 2003. Ayat al-Ma' wa al-Nabat fi al-Qur'an al-Karim Dirasah Tarkibiyyah Dilaliyyah. Tesis Sarjana, Takhasus al-Lughah al-°Arabiyyah wa Adabuha. Jami°ah Mansurah, Misr.
- al-°Abadasah, Fathi °Abd al-°Aziz. 2002. al-Ma' fi al-Qur'an al-Karim-Dirasah Mawdu°iyyah. Tesis Sarjana, Takhasus Usuluddin, al-Jami°ah al-Islamiyyah Ghazzah, Palestin.
- °Aydah, °Abd al-Malik. 1990. Alfaz al-Matar wa al-Sahab wa ma Yattasil Qadiman wa Hadithan-Dirasah Lughawiyyah. Tesis Sarjana, Kulliyyah al-Lughah al-°Arabiyyah, Ja'mi°ah Umm al-Qura.
- al-Bakri, Husayn Muhaysan Khatlan. 2011. al-Alfaz al-Mu°abbarah °an al-Matar fi al-Qur'an al-Karim. *Majallat Kuliyyat al-Tarbiyyah li al-Banat* 22(1): 1-10.
- Hasan, Majidah Solah. 2007. al-Siyaq al-Qur'ani wa al-Dilalah al-Mu°jamiyyah. *al-Majallah al-Ja'micah* April: 1-16.
- I. A.Ibrahim. 1997. *A Brief Illustrated Guide To Understanding Islam*. USA: Darussalam.
- Jathim, Layth Sa°ud. 2015. Anwa° al-Ma' fi al-Qur'an al-Karim wa Dilalatuha al-°Ilmiyyah. *Majallah al-Islam fi Asia* 12(1): 31-55.
- Muhammad Fayyad. 1999. *I°jaz Ayat al-Qur'an fi Bayan Khalq al-Insan*. al-Qaherah: Dar al-Shuruq.
- Muhammad, Salah al-Din Salim. 2010. Lafz al-Ma' wa ma Yadullu °Alayhi fi Nusus min al-Tanzil. *Majallat Abhath Kuliyyat al-Tarbiyyah al-Asasiyyah* 9(4): 279-297.
- Muh. Anis. 2008. Manusia Dalam Perspektif Al-Qur'an. *Kependidikan Islam* 3(2): 69-85.
- Muhammad Kamal. 2008. *al-°Ilaj bi al-Ma'Asraruhu wa Fawa'iduhu*. Dar al-Dhahabiyyah.
- al-Sahim, Muhammad Bin °Abdullah Bin Salih. 2009. *al-Dilalat al-°Aqdiyyah li al-Ma' fi al-Qur'an al-Karim*. al-Riyad.
- Mochamad Imamudin. 2012. Peranan Air Dalam Perspektif al-Qur'an. *El-Hayah* 3(1): 41-45.

- Bakdash, Said. 1999. *Fadl Ma' al-Zam-Zam*. Bayrut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- al-Sawfi, Mahir Ahmad. 2008. *Ayat Allah fi al-Riyah wa al-Matar wa al-A'asir wa al-Zalazil wa al-Barakin*. Bayrut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- al-Sayyid, Tamam Muhammad. 2015. *Alfaz wa Tarakib wa Dilalat Jadidah fi al-Siyaq al-Qur'ani*. Tesis Sarjana, Takhasus al-Lughah al-'Arabiyyah, Ja'mi'ah al-Sharq al-Awsat, Urdun.
- 'Ubaydiyyah, Fatimah Muhammad. 2003. *al-Ma' fi Ayat al-Qur'an al-Karim*. Tesis Sarjana, Takhasus Usuluddin, al-Jami'ah al-Najah al-Wataniyyah, Palestin.
- 'Uthman, Nabih 'Abd al-Rahman. 1986. *Mu'jizah Khalq al-Insan Baina al-Tibb wa al-Qur'an*. Makkah: Matba'ah Rabitah al-A'lam al-Islami.
- Yedi Purwanto. 2008. Seni Terapi Air. *Jurnal Sositologi* 13(7): 383-391.
- al-Za'arir, Ghalib Muhammad Raja. 2003. *al-Ma' fi al-Qur'an al-Karim*. Madinah al-Munawwarah: Maktabat Dar al-Zaman.
- al-Zahid, 'Abdullah Bin Muhammad 'Abbas. 2006. *'Aja'ib al-Malakut*. Bayrut: Dar al-Mahajjah al-Bayda'.